

PERPADUAN NIKMAT KEMERDEKAAN

27 Ogos 2020 |18 Muharam 1448H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، وَأُووصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertaqwah kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Salah satu nikmat yang diberikan Allah Subhanahu wa Taala kepada manusia ialah nikmat kemerdekaan. Ia bermaksud bebas daripada sebarang penindasan dan kezaliman, perhambaan dan kongkongan, sama ada secara langsung atau tidak. Dengan nikmat kemerdekaan kita bebas mencari rezeki dalam suasana aman, dapat menunaikan ibadah dengan

khusuk tanpa halangan, dapat menuntut ilmu dan kemahiran sepanjang zaman.

Nikmat kemerdekaan wajib disyukuri kerana umat Islam di negara ini telah kembali bersatu padu dengan menjaga kesucian Islam di bawah pemerintahan Raja-Raja Melayu serta berusaha mengajak orang bukan Islam untuk memeluk Islam dengan hikmah. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Ibrahim ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَةَ كُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ
 عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Yang bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah nikmat-Ku kepada kamu, dan sesungguhnya, jika kamu mengingkarinya (kufur nikmat) maka sesungguhnya azab-Ku amat keras."

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Perpecahan dalam masyarakat Melayu merupakan suatu perkara yang tidak mendatangkan faedah. Masyarakat sesebuah kampung, daerah, negeri atau negara boleh jadi berpecah atau bermusuh akibat perbezaan fahaman politik dan sebagainya. Sebaliknya Islam memerintahkan kita untuk sentiasa menjadi umat yang satu di bawah akidah dan syariah yang sama. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Anbiya' ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

٩٦

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَحْدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya ini adalah agama kamu semua, agama yang satu dan aku adalah Tuhanmu, Maka sembahlah aku.”

Adalah menjadi tanggungjawab kita mengisi kemerdekaan ini dengan kembali mengukuhkan perpaduan sesama kita, mengkalkan pemerintahan negara ini di bawah kuasa orang Melayu Islam dan memelihara hak keistimewaan bangsa Melayu tanpa menafikan kepentingan bangsa lain. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-A’raf ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ إِمْنَاؤْ وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِنَ السَّمَاءِ

٩٦

وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Yang bermaksud: “Dan (Allah berfirman): sekiranya penduduk negeri itu, beriman dan bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu rezeki) yang melimpah ruah keberkatannya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
فَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.